

20/10/2003

Weigang tidak akan kecewakan bola sepak Malaysia

Raja Ahmad Zainuddin

MELAKA sesungguhnya bukan saja masyhur dengan sejarah kepahlawanan Melayu zaman Hang Tuah lima bersaudara, tetapi juga dikenali sebagai gedung yang mengeluarkan ramai pemain bola sepak.

Legenda bola sepak, Datuk Soh Chin Aun adalah antara nama yang sering disebut. Andainya ada sesiapa yang berjalan dengan taukeh ini, dia akan berasa rimas kerana ramai yang mengenali bintang itu hingga tidak menang tangan untuk bersalaman.

Akan tetapi selepas pernah sekali menjulang piala liga pada suatu ketika, nama Melaka seperti tenggelam timbul, sedangkan negeri itu amat pesat membangun di bawah kepimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Minggu lalu saya bersama isteri berkesempatan mengunjungi Melaka kerana menerima anugerah Datuk Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Alhaj Syed Mahmud Shahabuddin sempena hari ulangtahun beliau ke 78.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Presiden Bakti yang menerima Darjah Utama Negeri Melaka (DUNM) sementara Menteri Besar Perak, Datuk Seri Diraja Mohd Tajol Rosli Ghazali yang juga pengerusi majlis sukan negeri menerima Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM), selain Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman.

Hendak dikatakan Melaka gagal, tetapi negeri itu memiliki ramai pemain terserlah seperti yang diakui oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Melaka, Datuk Ibrahim Durum ketika kami sama-sama menjamu selera selepas majlis penanugerahan itu di sebuah restoran bersama Datuk Seri Mohd Ali dan Menteri Besar Perak.

Pemain-pemain Melaka seperti penyerang Sopian Wahid bersama Terengganu dan Sarawak manakala saudaranya Mazlan Wahid kini bersama pasukan Kedah. Mat Nor Derus yang pernah berhijrah ke Terengganu dan Perak kini bersama kelab Public Bank.

Seperti yang diberitahu Chin Aun yang sekarang banyak menghabiskan kariernya bermain golf turut mengakui betapa Melaka memang hebat melahirkan ramai pemain yang berjaya bersama pasukan lain. Lim Chuan Chin dan adiknya, Lim Teong Kim pernah bersama pasukan Selangor pada suatu ketika. Chuan Chin kini bersama pasukan kebangsaan selaku pembantu jurulatih.

Kehilangan ramai pemain Melaka ini bagaimanapun, janganlah pula dilihat sebagai satu perkembangan yang negatif. Setidak-tidaknya menjadi contoh kerana Melaka tidak mementingkan diri sendiri, sebaliknya lebih berbangga kerana produk mereka turut laris.

Sebagai rakan saya percaya Ibrahim tidak akan berpatah arang di dalam mengharungi kancah bola sepak tanah air kerana percaya ramai lagi pemain muda yang boleh mereka ketengahkan.

Semangat kita boleh ternyata semakin membara sejak akhir-akhir ini. Kejayaan kelab Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) menjulang Piala Malaysia disebut di mana-mana. Di Parlimen, wakil-wakil rakyat juga turut memberikan perhatian mereka kerana ia setidak-tidaknya satu perkembangan baru yang boleh menjadi contoh bagi meningkatkan lagi kemajuan bola sepak negara.

Kejayaan MPPJ itu juga setidak-tidaknya membuka mata kepada pasukan negeri dan kelab lain untuk membuat persediaan lebih rapi dalam menghadapi musim akan datang. Perak umpamanya akan menyertai jemputan Vietnam. Saya

percaya negeri-negeri lain pun begitu juga, lebih-lebih lagi bermulanya liga super tahun depan.

Sementara itu, Karl Weigang kembali semula ke pangkuan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Bekas jurulatih kebangsaan yang pernah menempah kejayaan melayakkan diri ke Sukan Olimpik Moscow pernah bersama saya menjulang Piala Malaysia pada tahun 1998 dan 2000.

Berdasarkan pengalaman beliau bersama saya sejak tahun 1997 hinggalah saya meletakkan jawatan pengurus Perak selepas memenangi Piala Malaysia tiga tahun yang lalu, saya yakin beliau tidak akan mengecewakan kita.

Selaku pengarah teknikal jurulatih berbangsa Jerman ini memiliki kepakaran tersendiri, ditambah pengalaman bersama Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) dan beberapa pasukan kebangsaan yang pernah beliau kendalikan.

Pada masa ini, rata-rata pemain mungkin sedang berehat sehingga menunggu panggilan latihan seterusnya. Begitupun, cuaca buruk dan hujan lebat yang melanda beberapa negeri di utara baru-baru ini, ternyata tidak menghalang pemain menyertai pertandingan dianjurkan di merata-rata tempat termasuk di kawasan Parlimen saya.

Tahniah diucapkan kepada Ketua Umno cawangan Anak Kurau, Mohd Radzi Ramli yang telah berjaya mengadakan pertandingan bola sepak sembilan sebelah pada 12 Oktober lalu yang dimenangi pasukan Pergerakan Pemuda cawangan itu.

Walaupun, kawasan saya juga terbabit dengan banjir, tetapi kegiatan sukan berjalan seperti biasa. pertandingan bola sepak terutamanya tidak kira panas atau hujan. Paling suka bermain air jika berlaku banjir ialah kanak-kanak yang mana cukup membimbangkan. Jika pun ada yang mahu mencontohi perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Maidin, tetapi janganlah sampai keselamatan mereka tidak dihiraukan oleh ibu bapa atau penjaga.

Sepertimana sesi soal jawab di Parlimen, ketika saya mengajukan pertanyaan kepada Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Ting Kiat betapa perlunya peruntukan khas disediakan kepada pejabat belia dan sukan daerah-daerah di dalam menyediakan alat-alat sukan secukupnya bagi keperluan belia di kawasan luar bandar.

Walaupun, kementerian beliau merancang mewujudkan kompleks rakan muda di setiap daerah, tetapi peralatan sukan wajarlah juga disediakan oleh pejabat belia dan sukan sebagai satu galakan dan rangsangan.

Selain daripada itu, kementerian berkenaan juga diminta agar mengkaji semula skim cemerlang yang hanya dikhususkan kepada atlit-atlit tertentu, sebaliknya sudah tiba masa di mana atlit-atlit lain asalkan menempa kejayaan luar biasa seperti Abdul Malik wajarlah juga diberikan perhatian.

Sekalung tahniah kepada masyarakat di kawasan Parlimen Batu, Kuala Lumpur yang difahamkan baru-baru ini mencatat rekod kerana penyertaan pertandingan badminton teramai iaitu 536 orang.

Pujian juga ditujukan kepada wakil rakyatnya, Eng Lip Yong. Sekalipun di belakang tabir, setidak-tidaknya ia tetap menjadi dorongan kepada peserta yang mengambil bahagian, apatah lagi kalau ada pemimpin yang secara terus terbabit di dalam sesuatu kejohanan itu.

Syabas kepada Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF) yang turut merencanakan anugerah Union Cycliste Internationale (UCI) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangan besar beliau di dalam sukan lumba basikal.